

28 JUL 1998

PARLIMEN : USUL SIDANG DEWAN RAKYAT BERMULA PAGI DIBENTANG

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan hari ini membentangkan usul bagi meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan persidangannya dimulakan pada 10 pagi.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar yang membentangkan usul itu bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata menurut Peraturan Mesyuarat 78 (2), usul itu diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang akan menetapkan sama ada ianya akan dibahaskan.

Apabila Syed Hamid berkata usul itu perlu disegerakan, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang bangun dan mempertikaikan kenapa usul itu begitu penting sehingga ianya perlu disegerakan.

Menteri itu menjelaskan bahawa usul itu perlu dikemukakan dulu kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Usul itu membabitkan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 12 iaitu tiap-tiap persidangan hendaklah dimulakan pada pukul 10 pagi hingga 1 petang dan disambung semula dari pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Pindaan itu juga menyebut Yang Dipertua Dewan boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 5.30 petang. Usul itu disokong oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik

Pada masa ini persidangan Dewan Rakyat bermula 2.30 petang dari Isnin hingga Khamis.

-- BERNAMA

AKT MAI